

Tekanan boleh cetuskan kejadian amuk

BERITA mengenai majlis perkahwinan di rumah panjang Enchan Engkabang, Song di Kapit yang menjadi tragedi dan pembunuhan lima hadirin gara-gara seorang lelaki mengamuk dengan melepaskan tembakan bertalu-talu amat mengejutkan.

Apa lagi apabila umum mengetahui sebab amuk berkenaan tercetus kerana lelaki terbabit, warga Indonesia dihina tidak mempunyai kenegaraan dan tiada kad pengenalan.

Kemarahan menyebabkan lelaki terbabit hilang kawalan diri dan menembak berkali-kali ke arah sekumpulan lelaki yang menghinanya.

Kejadian amuk di kalangan masyarakat Melayu memang tidak asing. Malah, perkataan 'amuk' itu sendiri wujud hasil daripada pemerhatian dan pengkajian terhadap budaya Melayu bukan saja di Malaysia tetapi masyarakat Melayu di Nusantara seluruhnya.

Kini, perkataan amuk digunakan untuk menyingkap keadaan psikologi ekstrim yang boleh dikategorikan sebagai tidak bertanggungjawab, malah bersedia untuk melakukan bentuk keganasan melampau.

Asal perkataan amuk adalah daripada perkataan Melayu 'mengamuk' iaitu kemarahan yang tidak dapat dikawal. Individu terbabit dalam amuk selalunya dipengaruhi oleh keadaan psikologi tertekan, untuk jangka masa panjang.

Tekanan yang disimpan untuk tempoh yang lama, ibarat menanti detik untuk 'meletup'. Dalam kes amuk di Song ini, jelas sekali bahawa penghinaan yang dibuat (mungkin juga penghinaan ini bukan yang kali pertama kepada

pengamuk) memberi tekanan yang hebat kepadanya.

Apatah lagi, penghinaan itu dilakukan secara terbuka pada majlis perkahwinan yang penuh riang dan gemilang.

Budaya amuk lebih sinonim dengan masyarakat Asia. Amuk yang juga disifatkan oleh sarjana sebagai 'sindrom budaya tertentu' atau *culture-specific syndrome* adalah sifat yang terbentuk kesan daripada pengaruh budaya yang melingkari hidup seseorang. Antara sindrom lain yang wujud berlandaskan budaya Melayu adalah latah dan koro.

Bagaimanapun, amuk juga berlaku dalam budaya Barat. Terma amuk digunakan merujuk kepada individu yang dalam keadaan tidak terkawal menggunakan senjata dan menyerang orang ramai tanpa pertimbangan yang biasanya mengakibatkan banyak kematian.

Usaha faham-memahami karektor manusia yang berbeza-beza ini, selain mengamalkan amalan penguapan yang berhemah dan berhikmah mungkin boleh membantu mengurangkan tekanan kepada individu lain yang dilawan bercakap.

Apakah yang dapat kita pelajari daripada episod amuk yang pernah berlaku ini? Khusus kepada kes amuk di Song, nyata bahawa sikap ahli masyarakat kita sendiri yang menjadi pencetus kemarahan pengamuk.

SITI SURIANI OTHMAN,

*Pensyarah Program Komunikasi Fakulti
Kepemimpinan dan Pengurusan,
Universiti Sains Islam Malaysia (Usim).*